

CUEPACS mahu bonus ditetapkan pada Belanjawan 2002

Oleh HAIRULIZAM MAHMUD

UM 27 SEP 2001 -
KUALA LUMPUR 26 Sept. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa kerajaan menetapkan bonus untuk kakitangan awam pada Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan bulan depan.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan berkata, langkah itu perlu supaya kakitangan kerajaan tidak tertanya-tanya mengenai bonus yang bakal mereka terima pada setiap tahun.

“Ia juga selaras dengan saranan kerajaan supaya rakyat berbelanja (secara bijak) untuk mengekang kemungkinan kcsan kelembapan ekonomi serantau,” katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri mengumumkan pakej baru untuk merangsang ekonomi bernilai RM4.3 bilion sebagai langkah pantas menangkis masalah kelembapan ekonomi yang berkuat kuasa serta-merta.

Langkah kerajaan yang dibentangkan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu bertujuan supaya setiap rakyat terus berbelanja secara bijak dengan turut menyediakan dana bagi melatih semula pekerja yang dibuang sebelum ini.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, sebelum ini CUEPACS telah mencadangkan kepada Perbendaharaan supaya menetapkan bonus kepada kakitangan awam sekurang-kurangnya RM1,000.

“Pilihan lain yang kita telah cadangkan pada kadar minimum iaitu sebulan gaji,” ujarnya.

Katanya, melalui penetapan dalam belanjawan itu, kakitangan awam akan dapat merancang perbelanjaan tahunan dengan lebih efisien terutamanya di hujung tahun.

Ini kerana, jelasnya, pada setiap hujung tahun ibu bapa terpaksa berbelanja lebih untuk persediaan persekolahan anak-anak.

Maka, jelasnya, bonus yang tetap akan memberikan keselesaan kepada mereka menghadapi situasi tersebut.

Dalam pada itu, Abdul Rahman turut menyarankan supaya semua jabatan dan agensi kerajaan menilai semula projek-projek yang sepatutnya telah dijalankan.

Katanya, ia perlu supaya orang ramai akan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan apatah lagi selepas memperoleh rangsangan itu.

“Standard perkhidmatan kerajaan perlu dijaga dan dipertingkatkan.”